



Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia



# RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH



## PENGENALAN

## OBJEKTIF

Program pengajian jarak jauh dimulakan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1971 sebagai Rancangan Pengajian Luar Kampus. Ia merupakan rancangan pengajian terulung dan tertua di Malaysia yang menawarkan pengajian peringkat universiti secara jarak jauh.

Mulai tahun 1994, rancangan ini secara rasminya dikenali sebagai Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ). RPJJ USM dikendalikan secara khusus oleh Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) USM. Buat masa ini, PPPJJ mempunyai sekitar 85 orang staf akademik, yang mana 95% mempunyai kelayakan PhD. Disamping itu terdapat sekitar 25 orang pensyarah sambil turut terlibat dalam pengendalian kursus bagi setiap sidang akademik. PPPJJ juga mempunyai sekitar 52 staf pentadbiran dan sokongan sepenuh masa yang membantu dalam pelaksanaan rancangan pengajian jarak jauh ini.

RPJJ USM menggunakan pendekatan pembelajaran teradun yang mengambilkira keberkesanan pedagogi dan keberkesanan kos serta mengambilkira perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) semasa. Bahan-bahan pengajaran diedarkan kepada pelajar dalam pelbagai format manakala proses pengajaran dan pembelajaran diadakan dalam pelbagai pendekatan baik secara bersemuka (bertatap muka) atau menggunakan perantara TMK.

Pelajar perlu memilih satu bidang pengkhususan (major) dan satu bidang minor sepanjang tempoh pengajian. Memandangkan RPJJ USM menyediakan peluang pengajian peringkat universiti secara sambilan kepada pelajar-pelajar yang sudah mempunyai pekerjaan, tempoh pengajian yang ditetapkan ialah selama 5 tahun minimum dan 12 tahun maksimum.

RPJJ ditawarkan oleh USM untuk memenuhi beberapa objektif seperti berikut:

- untuk membolehkan pelajar-pelajar yang sebelum ini tidak mendapat peluang meneruskan pengajian tinggi mereka oleh sebab-sebab tertentu, mengikuti pengajian tinggi yang memungkinkan mereka memperolehi ijazah.
- untuk membawa usaha pengajian tinggi ke kawasan-kawasan yang kurang maju daripada segi ekonomi dan ke kawasan pedalaman.
- untuk meningkatkan kadar pengeluaran tenaga pekerja yang terlatih.
- untuk menghasilkan guna tenaga profesional yang mencukupi bagi memenuhi wawasan negara.
- untuk memajukan daya pengeluaran mereka yang telah pun mempunyai pekerjaan dengan mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran mereka.
- untuk meningkatkan penyediaan sumber tenaga manusia yang bersifat profesional, dedikasi dan inovatif bagi memenuhi wawasan negara.



# PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Bahan pembelajaran disediakan dalam bentuk modul / buku teks / e-modul/ e-kuliah dan nota-nota sendiri yang dibekalkan kepada pelajar manakala bahan-bahan e-modul dan e-kuliah dimuatnaik ke dalam portal e-pembelajaran PPPJJ (elearning.usm.my/ppjj).
2. Pelajar diwajibkan menghadiri KURSUS INTENSIF selama lebih kurang 21 hari setiap sidang akademik, bermula pertengahan Januari setiap tahun.
3. Rancangan Pengajian Jarak Jauh USM (RPJJ@USM) mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran secara pembelajaran teradun (blended learning) merangkumi pengajaran secara bertatap muka (semasa kursus intensif), teletutorial (terdiri daripada sidang video dan web-conference), dan portal e-pembelajaran.
4. Pengajaran secara teletutorial diadakan pada hujung minggu.
5. Teletutorial sidang video boleh diikuti sama ada di pusat-pusat wilayah atau secara video streaming, manakala teletutorial secara web-conference boleh diikuti di mana-mana lokasi yang mempunyai capaian internet. Setiap sesi teletutorial ini dirakamkan dan rakaman teletutorial tersebut turut dimuat-naik ke dalam portal e-pembelajaran PPPJJ.

## PROGRAM YANG DITAWARKAN

Rancangan Pengajian Jarak Jauh, USM menawarkan program pengajian berikut:

1. Sarjana Muda Sastera (Kepujian). Bidang pengkhususan yang ditawarkan ialah Kesusasteraan, Geografi dan Sejarah
2. Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian). Bidang pengkhususan yang ditawarkan ialah Antropologi-Sosiologi, Ekonomi dan Sains Politik.
3. Sarjana Muda Sains (Kepujian). Bidang pengkhususan yang ditawarkan ialah Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik
4. Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian). Bidang pengkhususan yang ditawarkan ialah Organisasi, Kewangan dan Pemasaran.

## STRUKTUR PENGAJIAN

1. Sistem pengajian berasaskan sidang akademik yang bermula pada awal September dan berakhir pada pertengahan Ogos tahun berikutnya.
2. Pelajar perlu melengkapkan komponen kursus sebagaimana berikut:

	Sarjana Muda Sastera DAN Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan	Sarjana Muda Sains	Sarjana Muda Pengurusan
<b>Teras / Major</b>	<b>73</b>	<b>71-72*</b>	<b>83</b>
<b>Elektif</b>	<b>12</b>	<b>12</b>	<b>12</b>
<b>Minor</b>	<b>20</b>	<b>20</b>	<b>20</b>
<b>Universiti</b>	<b>19</b>	<b>19</b>	<b>21</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>124</b>	<b>122-123*</b>	<b>136</b>

\* bagi pelajar pengkhususan Fizik

3. Tempoh pengajian ialah minimum 5 tahun dan maksimum 12 tahun.

# KELAYAKAN MASUK

## ▶ A. Syarat Am

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Persekolahan Vokasional Malaysia (SPM/MCE/SPVM) atau yang setaraf dengan mendapat **Kepujian** dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia.

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam *Malaysian University English Test* (MUET) bermula Sidang Akademik 2017/2018. Keputusan MUET hanya sah untuk tempoh selama 5 tahun.

## ▶ B. Syarat Khusus

	Sarjana Muda Sastera Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan	Sarjana Muda Sains	Sarjana Muda Pengurusan
Diploma	Diploma daripada IPTA yang diiktiraf	Diploma daripada IPTA yang diiktiraf	Diploma daripada IPTA yang diiktiraf (keutamaan kepada lulusan Diploma dalam bidang berkaitan Pengurusan)
STP/HSC/ STPM (2002 dan sebelum)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus STP/HSC/STPM</li> <li>Gred E dalam Kertas Am</li> <li>Gred E dalam mana <b>DUA</b> subjek berikut: BM/ Kesusasteraan Melayu/ Sejarah/ Geografi/ Matematik/ Ekonomi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus STP/HSC/STPM</li> <li>Gred E dalam Kertas Am dan Gred E dalam mana DUA subjek berikut:</li> </ul> <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1 Gred E atau 2 Gred R dalam mata-mana tiga subjek berikut:</li> </ul> <p>Kimia/ Biologi/ Fizik/ Pengkomputeran/ Matematik/ Matematik Lanjutan/ Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia/ Ekonomi/ Geografi/ Sejarah/ Perakaunan/ Pengajian Perniagaan/ Syariah/ Usuluddin</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus STP/HSC/STPM</li> <li>Gred E dalam Kertas Am dan Gred E dalam mana DUA subjek berikut:</li> </ul> <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1 Gred E atau 2 Gred R dalam mata-mana tiga subjek berikut:</li> </ul> <p>Kimia/ Biologi/ Fizik/ Pengkomputeran/ Matematik/ Matematik Lanjutan/ Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia/ Ekonomi/ Geografi/ Sejarah/ Perakaunan/ Pengajian Perniagaan/ Syariah/ Usuluddin</p>

<p>SPTM (2003 dan selepas)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulus SPTM</li> <li>• Gred <b>C</b> dalam Pengajian Am</li> <li>• Gred <b>C</b> dalam mana <b>DUA</b> subjek berikut: BM/ Kesusasteraan Melayu/ Kesusasteraan Inggeris/ Sejarah/ Geografi/ Perakaunan/ Perdagangan/ Perniagaan/ Bahasa Arab/ Syariah/ Usuluddin/ Matematik/ Ekonomi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulus STP/HSC/SPTM</li> <li>• Gred <b>C</b> dalam Kertas Am</li> <li>• Gred <b>C</b> dalam mana <b>DUA</b> subjek berikut:</li> </ul> <p>Kimia / Biologi/ Fizik/ Pengkomputeran/ Matematik/ Matematik Lanjutan.</p> <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 Gred <b>C</b> atau 2 Gred <b>C</b>- dalam mata-mana tiga subjek di atas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lulus STP/HSC/SPTM</li> <li>• Gred <b>C</b> dalam Kertas Am</li> <li>• Gred <b>C</b> dalam mana <b>DUA</b> subjek berikut:</li> </ul> <p>Kimia/ Biologi/ Fizik/ Pengkomputeran/ Matematik/ Matematik Lanjutan</p> <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 Gred <b>C</b> atau 2 Gred <b>C</b>- dalam mata-mana tiga subjek di atas.</li> </ul>
<p>Matrikulasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PNGK sekurang-kurang <b>2.0</b></li> <li>• Gred <b>C</b> pada peringkat Matrikulasi bagi mana-mana <b>DUA</b> subjek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PNGK sekurang-kurang <b>2.0</b></li> <li>• Gred <b>C</b> pada peringkat Matrikulasi bagi subjek pengkhususan (Biologi/Fizik/ Kimia / Matematik) dan Gred <b>C</b> bagi 1 subjek lain</li> </ul> <p>* <u>Cth</u>: Calon-calon yang ingin membuat pengkhususan dalam bidang Biologi perlu lulus <b>C</b> dalam subjek Biologi.</p> <p>** Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan Matematik pada peringkat Matrikulasi perlu mendapat <b>KEPUJIAN</b> bagi subjek <b>Matematik Tambahan</b> pada peringkat <b>SPM</b>.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PNGK sekurang-kurang <b>2.0</b> bagi program Matrikulasi KPM/ Asasi Sains UM/ Asasi UiTM</li> <li>• Gred <b>C</b> pada peringkat Matrikulasi/Asasi bagi subjek Biologi / Fizik / Kimia/ Matematik/ Perakaunan/ Pengurusan Perniagaan/ Ekonomi</li> <li>• <b>ATAU</b> bagi pelajar aliran <b>Asasi Undang-Undang</b>, mendapat Gred <b>C</b> bagi mana-mana <b>DUA</b> subjek.</li> </ul>



## ▶ B. Syarat Khusus

	Sarjana Muda Sastera Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan	Sarjana Muda Sains	Sarjana Muda Pengurusan
SPM/MCE/ SPVM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus SPM/MCE/SPVM</li> <li><b>Kepujian</b> dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia</li> <li>Lulus Matematik atau Matematik Tambahan</li> <li><b>Kepujian</b> dalam mana-mana EMPAT subjek.</li> <li>Pengalaman kerja sekurang-kurang <b>TIGA</b> tahun (sertakan surat pengesahan majikan)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus SPM / MCE / SPVM</li> <li><b>Kepujian</b> dalam Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia</li> <li><b>Kepujian</b> dalam <b>Matematik</b> atau <b>Matematik Tambahan</b></li> <li><b>Kepujian</b> dalam mana-mana SATU subjek.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus SPM / MCE / SPVM</li> <li><b>Kepujian</b> dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia</li> <li>Lulus dalam <b>Matematik</b> atau <b>Matematik Tambahan</b></li> <li><b>Kepujian</b> dalam mana-mana EMPAT subjek.</li> <li>Pengalaman kerja sekurang-kurang <b>TIGA</b> tahun (sertakan surat pengesahan majikan)</li> </ul>
Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus SPM / MCE / SPVM</li> <li>Lulus Bahasa Melayu/ Malaysia</li> <li>Berumur 50 tahun dan ke atas <b>pada tarikh tutup permohonan</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus SPM / MCE / SPVM</li> <li>Lulus Bahasa Melayu / Malaysia</li> <li>Berumur 50 tahun dan ke atas <b>pada tarikh tutup permohonan</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lulus SPM/ MCE/ SPVM</li> <li>Lulus Bahasa Melayu/ Malaysia</li> <li>Berumur 50 tahun dan ke atas <b>pada tarikh tutup permohonan</b></li> </ul>

# PUSAT WILAYAH PPPJJ-USM



# YURAN

Pelajar RPJJ dikenakan yuran seperti berikut:

Jenis Yuran	Sains	Sains Kemasyarakatan	Sastera	Pengurusan
<b>YURAN TIDAK BERULANG**</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>
1. Yuran Pendaftaran	100.00	100.00	100.00	100.00
2. Penginapan Suaikenal	20.00	20.00	20.00	20.00
3. Kad Pintar	60.00	60.00	60.00	60.00
4. Yuran Suaikenal	50.00	50.00	50.00	50.00
5. Yuran Alumni	100.00	100.00	100.00	100.00
<b>JUMLAH</b>	<b>330.00</b>	<b>330.00</b>	<b>330.00</b>	<b>330.00</b>
<b>YURAN BERULANG*</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>
1. Yuran Pengajian	770.00	640.00	640.00	800.00
2. Yuran Kursus	100.00	100.00	100.00	100.00
3. Yuran Modul	400.00	300.00	300.00	400.00
4. Yuran Kegiatan Pelajar	12.00	12.00	12.00	12.00
5. Yuran Penginapan Pelajar	84.00	84.00	84.00	84.00
6. Yuran Peperiksaan	50.00	50.00	50.00	50.00
7. Yuran Kesihatan	15.00	15.00	15.00	15.00
8. Yuran Kebajikan	5.00	5.00	5.00	5.00
9. Yuran Perpustakaan	25.00	25.00	25.00	25.00
<b>JUMLAH*</b>	<b>1,461.00</b>	<b>1,231.00</b>	<b>1,231.00</b>	<b>1,491.00</b>
	<b>1,791.00</b>	<b>1,561.00</b>	<b>1,561.00</b>	<b>1,821.00</b>

\* Yuran yang dikenakan untuk pelajar RPJJ setiap sidang akademik

\*\* Yuran yang dikenakan untuk pelajar baharu sahaja

\*\*\* Tertakluk kepada pindaan

## Nota:

Yuran Tidak Berulang hanya dikenakan kepada pelajar baharu bagi kemasukan tahun pertama sahaja manakala Yuran Berulang dikenakan kepada semua pelajar RPJJ setiap sidang akademik.

## CARA MEMOHON

Iklan mempelawa permohonan kemasukan akan disiarkan dalam akhbar tempatan pada bulan November/Disember setiap tahun. Perincian tentang cara permohonan, syarat, tarikh tutup dan maklumat lanjut akan dinyatakan dalam iklan tersebut.

Permohonan hanya boleh dibuat secara online selepas iklan dikeluarkan. Pemohon mestilah memenuhi **Syarat Am** dan **Syarat Khas** program berdasarkan pengajian yang dipilih.

Untuk maklumat lanjut berkaitan permohonan kemasukan, sila hubungi:-

Seksyen Pengambilan Pelajar  
Bahagian Pengurusan Akademik  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.  
Tel: **04-653 3141 / 653 3072** • Faks: 04-653 3328  
Laman Web: **www.admissions.usm.my**

## MAKLUMAT AM

Sebarang pertanyaan lanjut tentang program RPJJ boleh menghubungi:-

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang  
Tel: **04-653 3219 / 653 3286 / 653 3264** • Faks: 04-657 6000  
Emel: dean\_sde@usm.my / tda\_cde@usm.my  
Laman web: **www.pppjj.usm.my**